

11 Mac 2026

Untuk Siaran Segera

Kenyataan Media

PUSPAKOM Anjur Majlis Iftar “Menyingkap Nilai, Menyemai Integriti” Mempersembahkan Pra-Tonton Eksklusif Filem Jenama Hari Raya Aidilfitri dan Inisiatif Ramadhan

- Majlis iftar “Menyingkap Nilai, Menyemai Integriti” anjuran PUSPAKOM menghimpunkan wakil media serta kanak-kanak dari Rumah Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa.
- Tayangan pra-tonton eksklusif filem jenama Hari Raya PUSPAKOM, *Inspection Hati Aidil: Lumpur*.
- Pengagihan bubur lambuk di cawangan-cawangan utama PUSPAKOM kepada kakitangan dan pelanggan sepanjang bulan Ramadhan.

SHAH ALAM, 11 Mac 2026 – PUSPAKOM Sdn Bhd (“PUSPAKOM”) hari ini menganjurkan majlis iftar bertemakan **“Menyingkap Nilai, Menyemai Integriti”** yang dihadiri oleh wakil media serta kanak-kanak dari Rumah Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa. Majlis ini turut menampilkan tayangan pra-tonton eksklusif filem jenama Hari Raya Aidilfitri PUSPAKOM, ***Inspection Hati Aidil: Lumpur***, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan syarikat dalam memperkukuh nilai **integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam pemeriksaan kenderaan**.

Filem tersebut mengisahkan perjalanan Faizal, seorang bekas pemeriksa kenderaan yang keputusan etika pada masa lalu akhirnya membawa kesan besar terhadap kehidupan insan-insan tersayang di sekelilingnya.

Projek ini juga merupakan antara karya terakhir Allahyarham **Mohd Ezendy Mohd Aziz**, yang lebih dikenali sebagai **“Along”**, seorang bakat kreatif Malaysia yang dihormati dan terlibat dalam menghidupkan penceritaan ini.

Menyusuli siri web ***Inspection Hati Aidil*** yang diperkenalkan pada tahun 2025, filem ini mengetengahkan tanggungjawab moral yang dipikul oleh pemeriksa kenderaan serta kesan sebenar integriti terhadap keselamatan jalan raya.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman, berkata pendekatan penceritaan merupakan medium yang amat berkesan dalam menyampaikan nilai dan tanggungjawab di sebalik peranan pemeriksaan kenderaan.

“Cerita seperti *Inspection Hati Aidil: Lumpur* menggambarkan realiti yang dihadapi oleh pemeriksa kenderaan kami, termasuk pilihan etika yang perlu dibuat serta tanggungjawab berat dalam memastikan kenderaan yang berada di jalan raya berada dalam keadaan selamat,” katanya.

Menurut beliau, tajuk “**Lumpur**” melambangkan **noda rasuah** yang boleh memberi kesan buruk kepada individu, institusi serta masyarakat secara keseluruhannya.

“Ini adalah punca utama, PUSPAKOM mengamalkan dasar sifar toleransi terhadap rasuah. Setiap pemeriksaan yang dilaksanakan secara telus dan berintegriti menyumbang secara langsung kepada keselamatan jalan raya yang lebih terjamin untuk semua rakyat Malaysia,” tambah beliau.

Tayangan pra-tonton kepada media ini akan disusuli dengan pelancaran umumnya menerusi platform digital PUSPAKOM bermula **13 Mac 2026**, bertepatan dengan musim perjalanan pulang ke kampung sempena perayaan.

Dialog Media dan Perspektif Industri

Majlis tersebut turut menampilkan sesi perbincangan panel dan dialog bersama media yang menampilkan pelakon **Inspection Hati Aidil: Lumpur**, iaitu **Zahiril Adzim** dan **Joyce Harn**, bersama Pengarah Eksekutif filem, **Fairil Khalil**.

Turut menyertai sesi tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, **Mahmood Razak Bahman**, Ketua Integriti dan Pengurusan Pematuhan, **Azman Ismail**, yang berkongsi pandangan mengenai kepentingan integriti, tanggungjawab etika serta peranan penceritaan dalam meningkatkan kesedaran berkaitan keselamatan jalan raya.

Filem jenama perayaan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif komunikasi **#MacamBaharu** PUSPAKOM yang menggunakan pendekatan penceritaan yang dekat dengan masyarakat bagi mengukuhkan komitmen organisasi terhadap **integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam pemeriksaan kenderaan**.

Berkongsi Semangat Ramadhan Bersama Kakitangan dan Masyarakat

Bersempena bulan Ramadhan, PUSPAKOM turut menganjurkan pengagihan **bubur lambuk** di cawangan-cawangan di kawasan Lembah Klang sebagai hidangan tradisi Ramadhan untuk dikongsi bersama kakitangan dan pelanggan.

Sebagai sebahagian daripada persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri, PUSPAKOM juga membawa sekumpulan kanak-kanak dari **Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa** untuk membeli **Baju Raya** dalam satu lawatan khas ke **House of Ariani**, bagi memberi mereka peluang merasai kegembiraan membuat persiapan menyambut perayaan.

Inisiatif ini mencerminkan usaha PUSPAKOM dalam berkongsi semangat Ramadhan sambil mengeratkan hubungan dengan masyarakat, selaras dengan nilai **keprihatinan, tanggungjawab dan integriti** yang dipegang oleh organisasi.

Mahmood berkata usaha sebegini menjadi peringatan bahawa integriti bukan sahaja nilai yang diamalkan dalam organisasi, tetapi juga tanggungjawab bersama dalam masyarakat.

“Integriti bukan sahaja perlu diamalkan dalam organisasi kami, malah dalam cara kami berkhidmat dan berinteraksi dengan masyarakat. Dengan memupuk ketelusan dan akauntabiliti dalam setiap proses, kita dapat memperkukuh kepercayaan serta menyumbang kepada ekosistem keselamatan jalan raya yang lebih selamat untuk semua,” katanya.

- TAMAT -

LAMPIRAN INFORMASI MEDIA

Inspection Hati Aidil: *Lumpur* **Filem Khas Hari Raya Aidilfitri PUSPAKOM 2026**

Mengenai Filem

- Inspection Hati Aidil: Lumpur merupakan **filem khas Hari Raya Aidilfitri terbitan PUSPAKOM** dan adalah sebahagian daripada siri penceritaan perayaan **Inspection Hati Aidil**.
- Mengetengahkan tanggungjawab etika pemeriksa kenderaan dalam memastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat untuk digunakan di jalan raya.
- Mengangkat tema integriti, akauntabiliti dan impaknya terhadap masyarakat mengenai kesan rasuah terhadap keselamatan jalan raya dan kepercayaan awam.

Sinopsis

- Filem ini mengisahkan perjalanan Faizal, seorang bekas pemeriksa kenderaan yang telah membuat keputusan yang meragukan pada masa lalu. Keputusannya, terus memberi kesan terhadap kehidupan keluarga serta hubungan peribadinya.
- Melalui kisah yang sarat dengan emosi dan renungan terhadap pilihan yang dibuat, filem ini menonjolkan bagaimana integriti dalam melaksanakan tanggungjawab profesional memberi kesan langsung kepada keselamatan awam serta kesejahteraan insan tersayang.

Elemen Penghargaan

- Filem ini turut didedikasikan sebagai penghargaan kepada Allahyarham Mohd Ezendy, yang lebih dikenali sebagai “Along”, yang menjadi inspirasi kepada penceritaan dalam karya ini.

Simbolisme

- Perkataan “Lumpur” melambangkan noda rasuah, yang menggambarkan bagaimana keputusan tidak beretika boleh mencemarkan individu, institusi serta kepercayaan masyarakat.

Tarikh Tayangan

- 13 Mac 2026

Platform Tayangan

Filem ini akan dilancarkan kepada umum menerusi:

- Saluran media sosial rasmi PUSPAKOM
- Platform digital PUSPAKOM

LAMPIRAN GAMBAR

No. dan Nama Fail	Gambar	Kapsyen
1. IMG_7097		Azimy Wan Ahmad bersama Cik Ruztina Jenal dari Jabatan, Komunikasi Pemasaran & Pembangunan Perniagaan PUSPAKOM memilih Baju Raya untuk kanak-kanak Rumah Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa di House of Ariani , Kuala Lumpur.
2. IMG_7037		Seorang kanak-kanak Rumah Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa tersenyum gembira ketika mencuba samping songket berwarna emas sebagai sebahagian daripada persalinan Baju Raya di House of Ariani , Kuala Lumpur, sambil ditemani Mohd Farqhan dari Jabatan Pemasaran PUSPAKOM,
3. IMG_7344		Pelancaran filem jenama Hari Raya Aidilfitri terbitan PUSPAKOM, <i>Inspection Hati Aidil: Lumpur</i> pada majlis iftar “ Menyingkap Nilai, Menyemai Integriti ”, yang mengetengahkan mesej integriti dan tanggungjawab dalam memastikan keselamatan kenderaan di jalan raya.

No. dan Nama Fail	Gambar	Kapsyen
4. IMG_7393		Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman (dua dari kiri), dalam sesi Dialog Media bersama pelakon Inspection Hati Aidil: Lumpur, Zahiril Adzim , serta Penerbit Eksekutif, Fairil Khalil dan Ketua Integriti dan Pengurusan Pematuhan PUSPAKOM, Azman Ismail .
5. IMG_7609		Kanak-kanak dari Rumah Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa bergambar bersama • Mahmood Razak Bahman - Ketua Pegawai Eksekutif • Azman Ismail - Ketua Pengurusan Integriti & Pematuhan • Zahiril Adzim - Pelakon • Fairil Khalil- Penerbit Eksekutif
6. IMG_7590		Puan Norita Ibrahim, Ketua Pegawai Kewangan, PUSPAKOM menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak dari Rumah Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa , meneruskan tradisi berkongsi kegembiraan Aidilfitri.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

Siti Khairuddin
Ketua Komunikasi Pemasaran &
Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7769 H/P: 012 - 382 8550

Nik Haizan Nik Zambri
Pengurus, Komunikasi Pemasaran &
Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7547 H/P: 012 - 262 0114

MENGENAI PUSPAKOM

Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.

Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.

Kami mempunyai rangkaian **53 pusat pemeriksaan** di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai **30 tapak lawatan** yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.

Kami turut menawarkan **Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak** bagi kemudahan pelanggan yang tidak dapat hadir ke cawangan. Perkhidmatan ini melibatkan:

- **Trak Bergerak** – Untuk syarikat yang mempunyai banyak kenderaan seperti pengendali kenderaan perdagangan, syarikat penghantaran, sekolah memandu, dan pengedar. Antara pemeriksaan yang ditawarkan termasuk **Pemeriksaan Awalan, Berkala, dan Sewa Beli (B7)**.
- **Van Bergerak** – Untuk pemilik kenderaan persendirian bagi urusan seperti **pertukaran hak milik, pembaharuan cukai jalan, dan pendaftaran kenderaan import**.

Pelanggan boleh membuat tempahan Perkhidmatan Bergerak melalui **www.GiCheck.my**, manakala tempahan secara pukal boleh dibuat dengan menghubungi **marketing@puspakom.com.my**.

Dengan **10 Trak Bergerak, 36 Van Bergerak dan 4 Unit Ringan**, kami komited untuk memberikan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, cekap dan profesional – terus ke lokasi pelanggan.